

Langkah tegas atasi kencing sembarangan

BERITA HARIAN

Rabu, 17 Februari 2010

AMALAN buang air kecil di tempat awam nampaknya masih berleluasa. Perangkaan terbaru yang diperolehi akhbar ini mendapati bilangan kes perbuatan tidak bertanggungjawab ini telah melonjak 24 kali ganda tahun lalu berbanding 2007. Cuma sedikit melegakan kerana 90 peratus daripada mereka yang ditangkap melakukan perbuatan sumbang itu adalah pekerja asing, dan bukan warga setempat.

Masalah buang air kecil sembarangan ini pernah berleluasa lebih sedekad lalu. Banyak kejadian berlaku khususnya di kawasan tangga awam dan lif sehingga sebahagian lif terpaksa dipasang kamera atau alat pengesan air kencing bagi mencegah masalah ini. Perbuatan ini menimbulkan rasa jijik dan tidak selesa di kalangan pengguna yang menggesa pihak berkuasa supaya bertindak lebih tegas. Kelakuan ini juga tidak sejajar dengan status negara ini sebagai negara maju.

Namun dengan peminjiran pekerja asing – kebanyakannya daripada negara membangun – kes kencing sembarangan ini meningkat semula dan lebih membabitkan golo-

ngan itu. Ini di samping langkah penguatkuasaan yang telah dipertingkatkan Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) yang menjelaskan bahawa kenaikan itu tidak menggambarkan secara jelas adanya trend kencing sembarangan di sini.

Justeru, langkah lebih tersusun dan tegas perlu digiatkan dengan tumpuan kepada pekerja asing. Antaranya, pendidikan awam lebih intensif di kalangan mereka, termasuk di hostel-hostel pekerja asing, akan kesalahan dan keseriusan kencing sembarangan termasuk boleh didenda \$150 bagi kesalahan kali pertama. Denda ini pasti membuatkan mereka berfikir berkali-kali sebelum mahu melaku-

kan perbuatan sumbang itu kerana terpaksa membayarnya daripada gaji mereka. Bagi kesalahan kedua dan selanjutnya, seorang pesalah itu akan diheret ke mahkamah. Dan jika didapati bersalah, pesalah boleh didenda tidak melebihi \$1,000 bagi sabitan pertama. Kerjasama orang ramai juga diperlukan bagi mengesan pelaku khususnya bagi tempat yang sering 'dicemari' air kencing.

Seyogianya, kemudahan tandas di Singapura agak mencukupi dan terletak di serata tempat, dan tiada alasan kukuh bagi menyatakan tidak sempat atau tiada tempat sehingga memaksa seseorang membuang air kecil secara sembarangan.